

## 14. IMPAK KRISIS COVID-19 TERHADAP RANTAIAN BEKALAN DAN PEMASARAN BUAH-BUAHAN DI MALAYSIA

Suhana Safari<sup>1</sup>, Rawaida Rusli<sup>1</sup>, Rozita Mohd Yusof<sup>1</sup>, Roslina Ali<sup>1</sup> dan Nur Azlin Razali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risiko Pasaran dan Agribisnes

<sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Hortikultur

### 14.1. PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia bermula Disember 2019 telah mendesak kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah penularan. Pelaksanaan PKP yang mengehadkan pergerakan, sekatan jalan, penangguhan, pembatalan serta penutupan kemudahan awam seperti pusat ibadah, rekreasi, pelancongan, sukan, sekolah dan perhotelan dipercayai memberi kesan kepada sektor ekonomi. Di Malaysia, PKP dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara bagi memerangi pandemik, bermula pada 18 Mac 2020 dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Ini memberi cabaran dan risiko yang besar kepada kesemua subsektor ekonomi negara termasuklah di bidang sektor pertanian, terutamanya gangguan rantaian bekalan makanan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti impak krisis COVID-19 ke atas rantaian bekalan dan pemasaran buah-buahan di Malaysia.

### 14.2. LATAR BELAKANG

Pelaksanaan PKP telah dijalankan secara bersasar bermula pada 18 Mac 2020. Pengumuman rasmi oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan aktiviti sosial termasuk sosioekonomi memberi impak secara keseluruhannya. Pada tahun 2020, pelaksanaan PKP telah melibatkan 6 fasa mengehadkan operasi perniagaan di seluruh negara (*Jadual 14.1*). Penilaian impak COVID-19 dilihat dari beberapa aspek seperti trend import, eksport, harga jualan dan kaedah pemasaran. Fokus kajian adalah lapan jenis buah-buahan utama iaitu; pisang, tembikai, durian, nanas, nangka, mangga, tembikai wangi dan betik.

#### 14.2.1. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menyokong inisiatif kerajaan untuk membantu golongan petani, pemborong, pengedar, pengimport, pengeksport dan peruncit buah-buahan Malaysia dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19. Dapatan

**Jadual 14.1:** Tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 di Malaysia, fasa 1 – 6

Fasa PKP	Tarikh	Tempoh	Arahan Premis Perniagaan dan Waktu Perniagaan
Fasa 1	Perintah Kawalan Pergerakan 18 Mac – 31 Mac 2020	14 hari	Kedai Makan/Restoran (bungkus sahaja): 7 pagi – 7 petang Kedai Serbaneka/Runcit: 6 pagi – 8 malam Pasar Awam: 7 pagi – 12 tengah hari Pasar Malam/Pagi/Tani: Tidak dibenarkan
Fasa 2	1 April – 14 April 2020	14 hari	Kedai Makan/Restoran (bungkus sahaja): 8 pagi – 8 malam
Fasa 3	15 April – 28 April 2020	14 hari	Kedai Serbaneka/Runcit: 8 pagi – 8 malam
Fasa 4	29 April – 3 Mei 2020	14 hari	Pasar Awam: 6 pagi – 12 tengah hari Pasar Malam/Pagi/Tani: Tidak dibenarkan Kedai Menjual Input Pertanian: Isnin – Khamis (8 pagi – 4 petang)
Fasa 5	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Mei – 9 Jun 2020	30 hari	Kedai Makan/Restoran (bungkus sahaja): 8 pagi – 10 malam Kedai Serbaneka/Runcit: 8 pagi – 10 malam Pasar Awam: 6 pagi – 12 tengah hari Pasar Malam/Pagi/Tani: Tidak dibenarkan Kedai Menjual Input Pertanian: Beroperasi seperti biasa
Fasa 6	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan 10 Jun – 31 Disember 2020	6 bulan	Kedai Makan/Restoran (bungkus sahaja): Beroperasi seperti biasa Kedai Serbaneka/Runcit: Beroperasi seperti biasa Pasar Awam: 6 pagi – 12 tengah hari Pasar Malam/Pagi/Tani: Beroperasi seperti biasa Kedai Menjual Input Pertanian: Beroperasi seperti biasa

Sumber: Majlis Keselamatan Negara, 2020

juga dijangka dapat digunakan sebagai asas bagi penyediaan subsidi, bantuan atau insentif bagi mengurangkan risiko impak pandemik di setiap rantaian bekalan dan pemasaran buah-buahan di Malaysia.

#### 14.2.2. **Objektif**

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis impak krisis pandemik COVID-19 terhadap rantaian bekalan dan pemasaran buah-buahan di Malaysia. Objektif khusus adalah:

- 1) Menganalisis trend import, eksport dan harga pasaran (ladang, borong dan runcit) sebelum dan semasa krisis pandemik COVID-19 di Malaysia PKP fasa 1 – 6
- 2) Mengenal pasti isu bekalan, pemasaran dan pengedaran buah-buahan di peringkat petani, pemborong/agen, pengeksport, pengimport dan peruncit semasa krisis pandemik COVID-19 di Malaysia, PKP fasa 1 – 6
- 3) Mengenal pasti perancangan dan tindakan operasi perniagaan semasa dan selepas PKP fasa 1 – 6

#### 14.3. **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan secara gabungan (*mixed method approaches*): kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, data dikumpulkan daripada sumber sekunder iaitu kuantiti import dan eksport bulanan buah-buahan Malaysia (Januari 2019 – Jun 2020) daripada *Trade Map*. Data dianalisis menggunakan analisis trend (*Mann-Kendal*) untuk melihat perbezaan sebelum dan semasa krisis pandemik COVID-19 fasa 1 – 6. Selain itu, data harga pasaran di peringkat ladang, borong dan runcit (Jan 2019 – Oktober 2020) daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dikumpulkan dan dianalisis menggunakan Purata Pertumbuhan Tahunan (CAGR). Analisis ini bertujuan untuk melihat perbezaan peratusan sama ada meningkat atau menurun bagi beberapa jenis buah-buahan bagi tempoh sebelum dan semasa fasa PKP dilaksanakan.

Kaedah kualitatif dijalankan secara temu bual dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Pensampelan tertuju (*purposive sampling*) digunakan untuk menemu bual pemain industri di setiap peringkat rantaian bekalan iaitu petani, pemborong, pengedar, pengimport, pengeksport dan peruncit dari Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Kelantan. Beberapa buah negeri lain tidak dapat dijalankan kerana arahan semasa PKP di negeri-negeri berkenaan. Analisis tema (*Thematic Analysis*) digunakan bagi menganalisis isu bekalan, pemasaran dan pengedaran buah-buahan semasa PKP dijalankan di Malaysia. Analisis ini dijalankan berdasarkan transkrip temu bual dengan menggunakan perisian ATLAS.ti7. Data temu bual dikodkan mengikut tema yang berkaitan di setiap peringkat rantaian bekalan.

### 14.3.1. Limitasi kajian


Kajian dijalankan semasa tempoh pandemik COVID-19 dan arahan PKP masih lagi berkuat kuasa. Justeru, pergerakan pasukan penyelidik adalah terhad kepada beberapa buah negeri dan syarikat berkaitan. Terdapat juga beberapa perbincangan terpaksa dibatalkan. Justeru, kajian ini dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan tidak dapat difokuskan kepada buah-buahan tertentu. Langkah berjaga-jaga dan pematuhan SOP perlu dipatuhi semasa kajian lapangan dijalankan.

## 14.4. DAPATAN KAJIAN

### 14.4.1. Impak COVID-19 terhadap import dan eksport buah-buahan Malaysia

Analisis trend atau *Mann-Kendal* dijalankan bagi tempoh sebelum (Januari 2019 – November 2019) dan selepas (Disember 2019 – Jun 2020) pandemik COVID-19. Data import dan eksport dikumpulkan berdasarkan kod (08-Edible fruit and nuts; peel of citurs or melons) dan beberapa jenis buah utama.

Rajah 14.1 menunjukkan kuantiti import utama buah-buahan Malaysia sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Antara buah-buahan yang paling tinggi diimport ialah limau mandarin, kelapa, epal dan pir, anggur dan pisang. Data sebelum pandemik diambil bermula dari Januari 2019 – November 2019, manakala data semasa penularan COVID-19 diambil bermula Disember 2019 – Jun 2020. Jumlah keseluruhan sampel data adalah (n = 18). Secara keseluruhannya, analisis trend (*Jadual 14.2*) menunjukkan penurunan import buah-buahan sebelum dan selepas COVID-19 tetapi tidak signifikan. Bagi buah limau mandarin, kelapa, anggur dan pisang, sebelum bermula COVID-19, trend import menunjukkan peningkatan dengan anggaran magnitud antara 1 – 3 ribu t/bulan kecuali kelapa dengan anggaran lebih tinggi 9 ribu t/bulan. Secara



Sumber: Trade Map, 2020

**Rajah 14.1:** Kuantiti import utama buah-buahan Malaysia mengikut jenis sebelum dan semasa pandemik Covid-19

keseluruhannya, kesemua buah-buahan import menunjukkan penurunan apabila krisis COVID-19 bermula. Penurunan import limau mandarin adalah paling ketara sehingga sebanyak 54 ribu t/bulan semasa wabak COVID-19. Buah mandarin diimport terutamanya dari negara China. Bagi mengekang wabak ini di peringkat awal kemunculannya di China, laporan menunjukkan China menghentikan sementara aktiviti ekonomi termasuk eksport dan import bagi kesemua sektor komoditi (Huang et al. 2020).


**Jadual 14.2:** Trend analisis import utama buah-buahan Malaysia dalam kuantiti (t), sebelum dan semasa pandemik COVID-19

Jenis Buah	Sebelum COVID-19 (Jan 19 – Nov 19)			Semasa COVID-19 (Dis 19 – Jun 20)		
	Coefficient	P-Value	Trend	Coefficient	P-Value	Trend
Keseluruhan Import	-47.76	0.47	↓	-164.3	0.133	↓
Limau Mandarin	2.178	1.000	↑	-54.00	0.133	↓
Kelapa	9.32	0.721	↑	-0.56	1.00	↓
Epal dan Pir	1.48	0.721	↑	13.07	1.00	↑
Anggur	1.07	0.592	↑	-2.89	0.452	↓
Pisang	3.86	0.049*	↑	-2.49	0.452	↓

Nota: Significant \* $p < 0.05$ , \*\* $p < 0.01$

Rajah 14.2 menunjukkan trend eksport buah-buahan Malaysia mengikut pasaran utama sebelum dan semasa pandemik COVID-19 melanda. Lima buah negara iaitu Singapura, China, Hong Kong, Egypt dan Thailand merupakan destinasi utama eksport buah-buahan Malaysia. Pasaran Singapura mendominasi syer pasaran eksport Malaysia (75%) berbanding pasaran lain.

Analisis trend dalam *Jadual 14.3* pula menunjukkan secara keseluruhan eksport sebelum dan semasa COVID-19 meningkat tetapi tidak signifikan. Eksport ke China dan Egypt menunjukkan peningkatan sebelum pandemik tetapi menurun, masing-masing dengan kadar 1.9 t/bulan dan 2.83 t/bulan selepas pandemik (Dis 19 – Jun 20). Singapura terus menunjukkan peningkatan sebelum dan semasa pandemik iaitu meningkat dua kali ganda dari 10.31 t/bulan (sebelum) ke 23.2 t/bulan (semasa) secara signifikan (Nilai  $p$ -value <1%). Dapatan ini juga bertepatan dengan laporan media Singapura yang menyatakan bekalan import makanan dari Malaysia tidak terganggu sepenuhnya sepanjang PKP di Malaysia dan Singapura (Yong 2020).



Sumber: Trade Map, 2020

**Rajah 14.2:** Kuantiti eksport buah-buahan Malaysia mengikut pasaran utama sebelum dan semasa pandemik COVID-19

**Jadual 14.3:** Trend analisis eksport buah-buahan Malaysia (Mt) ke pasaran utama, sebelum dan semasa pandemik COVID-19

Negara	Sebelum COVID-19 (Jan 19 – Nov 19)			Semasa COVID-19 (Dis 19 – Jun 20)		
	Coefficient	P – Value	Trend	Coefficient	P – Value	Trend
Keseluruhan Eksport	8.69	0.28	↑	21.0	0.133	↑
Singapura	10.31	1.00	↑	23.2	0.009*	↑
China	3.14	0.07**	↑	-1.9	0.260	↓
Hong Kong	-4.51	0.004**	↓	2.56	0.13	↑
Egypt	0.28	0.28	↑	-2.83	0.26	↓

Nota: Significant –\* $p < 0.05$ , \*\* $p < 0.01$

#### 14.4.2. Impak COVID-19 terhadap perubahan harga ladang, borong dan runcit

Analisis Purata Pertumbuhan Tahunan (CAGR) dijalankan terhadap harga bulanan bagi beberapa jenis buah-buahan di setiap peringkat jualan iaitu ladang, borong dan runcit (*Jadual 14.4*). Keseluruhan sampel data berjumlah  $n=22$  bermula dari Januari 2019 – Oktober 2020. Sembilan jenis buah yang disenaraikan iaitu Durian Musang King (MK), Durian Kampung, Honey Dew Melon, Mangga Chokanan, Tembikai, Nanas MD2, Betik, Nangka dan Pisang Berangan. Jenis buah dipilih berdasarkan permintaan tertinggi di pasaran tempatan.

Di peringkat ladang, sebelum COVID-19 iaitu dari Januari – November 2019, CAGR harga borong bagi Durian MK, Nanas MD2, Betik dan Nangka telah menurun. Manakala CAGR Durian Kampung, Honey Dew Melon dan Mangga

**Jadual 14.4:** Purata harga dan Pertumbuhan Tahunan (CAGR) di peringkat ladang, borong dan runcit buah-buahan utama sebelum dan semasa COVID-19

Jenis Buah	Ladang			Borong			Runcit					
	Sebelum Harga (RM/kg)	CAGR (%)	Harga (RM/kg)	Sebelum Harga (RM/kg)	CAGR (%)	Harga (RM/kg)	Sebelum Harga (RM/kg)	CAGR (%)	Harga (RM/kg)	Sebelum Harga (RM/kg)	CAGR (%)	Harga (RM/kg)
Durian Musang King	26.55	-2.7	29.51	31.77	-0.7	36.38	43.14	2.6	48.14	3.8	3.8	3.8
Durian Kampung	5.81	3.8	5.28	6.94	3.8	7.09	11.00	1.9	11.16	-4.6	-4.6	-4.6
Honey Dew Melon	2.64	2.1	2.29	3.39	0.3	3.20	4.80	-0.1	4.78	0.9	0.9	0.9
Mangga Chokanan	4.78	1.9	3.92	5.91	0.5	6.00	7.53	-0.9	7.28	-0.4	-0.4	-0.4
Tembikai	1.28	0.1	1.30	2.09	-0.8	2.03	3.08	-0.3	3.09	-0.4	-0.4	-0.4
Nanas MD2	2.92	-1.4	2.45	3.40	-0.3	3.30	4.45	0.28	4.59	0.2	0.2	0.2
Betik	1.55	-0.7	1.37	2.35	-0.8	2.28	3.72	-1.0	3.61	0.5	0.5	0.5
Nangka	2.04	-0.2	2.01	3.25	-0.5	3.29	6.05	-0.5	6.40	1.2	1.2	1.2
Pisang Berangan	2.15	0.0	2.24	3.20	0.0	3.28	4.67	0.1	4.75	-0.1	-0.1	-0.1

Nota: Sebelum (Jan 19 – Nov 19); Semasa (Dis 19 – Okt 20)  
Sumber: FAMA (2020)

Chokanan, masing-masing meningkat sebanyak 3.8%, 2.1% dan 1.9%. Selepas COVID-19 iaitu dari Disember 2019 – Oktober 2020, CAGR harga ladang bagi Durian MK, Honey Dew Melon, masing-masing meningkat sebanyak 3.9% dan 4.3%. CAGR Mangga Chokanan dan Nanas MD2 menunjukkan penurunan. Tiada peningkatan harga ladang bagi Betik dan Nangka. Ini menunjukkan harga Musang King dan Honey Dew adalah lebih tinggi di peringkat ladang semasa krisis COVID-19.


Di peringkat borong, sebelum COVID-19, CAGR harga borong bagi Durian MK, Tembikai, Nanas MD2, Betik dan Nangka menurun (kurang daripada 1%). Durian Kampung menunjukkan peningkatan harga borong yang tinggi, iaitu 3.8%. Semasa krisis COVID-19, CAGR harga borong bulanan bagi Durian MK, Tembikai, Nanas MD2 dan Nangka meningkat antara 0.1 – 0.7%. Durian MK menunjukkan peningkatan harga paling tinggi iaitu 5%. Ini menunjukkan peningkatan harga Durian MK di peringkat borong terus meningkat walaupun pada musim COVID-19.

Secara purata, harga jualan di peringkat runcit sebelum pandemik menunjukkan Durian MK dan Durian Kampung masing-masing meningkat sebanyak 2.6% dan 1.9%. CAGR harga runcit Honey Dew, Mangga Chokanan, Tembikai, Betik dan Nangka sedikit menurun antara 0.1 – 1%. Semasa krisis ini melanda dalam tempoh Disember 2019 – Oktober 2020, CAGR harga borong bagi kesemua buah menunjukkan peningkatan kecuali Durian Kampung, Mangga Chokanan dan Pisang Berangan. Peningkatan harga runcit Durian MK adalah tertinggi iaitu sebanyak 3.8%. Secara keseluruhan, harga buah-buahan terdapat penurunan dan peningkatan harga di setiap peringkat jualan kecuali harga Durian MK yang meningkat selepas krisis COVID-19. Menurut Laporan media massa, harga jualan Musang King tidak berubah, iaitu RM60 – RM75/kg mengikut gred semasa krisis COVID-19 (Astroawani 2020).

### 14.4.3. Impak COVID-19 terhadap rantaian bekalan dan pemasaran buah-buahan Malaysia

*Rajah 14.3* menunjukkan sistem pemasaran buah-buahan di Malaysia yang melibatkan tiga fasa utama iaitu pemasaran tempatan, import dan eksport. Pemain industri di sepanjang rantaian bekalan bertindak sebagai pengedar untuk membawa produk sampai kepada pengguna akhir. Pandemik COVID-19 telah membawa norma baharu kepada operasi perniagaan ke arah perniagaan digital. Di peringkat awal pandemik, sewaktu tempoh masa PKP fasa 1 – 4 diperketat, beberapa pemain industri dan agensi kerajaan telah meluaskan penggunaan aplikasi digital bagi penjualan barangan basah seperti Lazada, Agrobazaar, NekmatBiz, Jaya Grocer, Tesco, Mydin dan lain-lain. Trend pembelian ini





Sumber: Norsida et al. (2009) dan kajian lapangan (2020)

**Rajah 14.3:** Rantaian pemasaran buah-buahan di Malaysia

mendapat sambutan dalam kalangan pengguna. Selain itu, aplikasi pesanan menerusi kumpulan WhatsApp juga digunakan sebagai platform pemasaran. Namun, perubahan peningkatan ini adalah bersifat sementara kerana pengguna terpaksa menggunakan platform tersebut semasa pelaksanaan PKP. Pengguna lebih cenderung pembelian secara fizikal apabila PKP dilonggarkan (fasa 5 – 6) di seluruh negara.

Pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada sektor ekonomi negara. Walau bagaimanapun, impak di bidang sektor ekonomi berasaskan keperluan asas (buah, sayur dan makanan) adalah kecil berbanding sektor ekonomi yang lain. Di bidang sub-sektor buah-buahan, seramai 77.7% atau 35 orang responden telah berkurang pendapatan di semua peringkat rantaian bekalan kecuali bagi petani ladang kontrak yang terikat dengan kontrak pembekalan bersama syarikat atau agensi. Jangka masa operasi perniagaan yang terhad telah menyebabkan gangguan pengedaran yang menyebabkan lambakan produk pertanian terutama di peringkat borong dan runcit. Seramai 62.3% atau 28 orang responden menghadapi situasi ini. Bagi sesetengah pemborong yang tidak mempunyai kemudahan bilik sejuk, stok bekalan tidak dapat disimpan dan menjadi rosak.

#### 14.4.4. Isu dan cabaran pengedaran buah-buahan semasa PKP fasa 1 – 4

Analisis tema diukur melalui temu bual dan telah dikodkan mengikut sub-tema penting isu dan cabaran yang dihadapi oleh pemain industri di peringkat rantaian bekalan. Terdapat empat peringkat rantaian bekalan utama iaitu

1) petani, 2) pemborong, pengimport dan pengedar, 3) pengeksport dan 4) peruncit. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 45 orang. *Jadual 14.5* menunjukkan sub-tema di setiap peringkat rantai bekalan dan bilangan responden yang terlibat berdasarkan tema yang dikenal pasti. Huraian dan contoh petikan ditunjukkan di *Jadual 14.6*.

**Jadual 14.5:** Subtema bagi isu dan cabaran pengedaran buah-buahan semasa pandemik COVID-19 di setiap peringkat rantai bekalan

Peringkat Rantaian Bekalan/n	Tema: Isu dan Cabaran	Frekuensi
Petani (n = 15)	Masalah pengedaran /pemasaran	5 (33%)
	Kapasiti Pekerja dan input pertanian yang terhad	5 (33%)
Pemborong, Pengimport, Pengedar (n = 10)	Kurang permintaan	10 (100%)
	Tempoh operasi perniagaan terhad	10 (100%)
Pengeksport (n = 6)	Kurang permintaan	4 (67%)
	Masalah pengedaran/pemasaran	6 (100%)
Peruncit (n = 14)	Kurang permintaan	14 (100%)
	Tempoh operasi perniagaan terhad	14 (100%)
	Persaingan harga di pasaran	10 (72%)

#### 14.4.4.1. Petani

Di peringkat ladang, terdapat tiga kategori petani telah dikenal pasti iaitu 1) ladang kontrak 2) komersial dan 3) kecil dan sederhana. Petani ladang kontrak terutama di bawah bimbingan FAMA dan Jabatan Pertanian tidak menghadapi masalah pengedaran kerana pengedaran daripada pihak FAMA dibenarkan sepenuhnya semasa pelaksanaan PKP kritikal. Begitu juga bagi ladang komersial, kebanyakan ladang komersial mempunyai kontrak dengan pasar raya dan *hypermarket* di Malaysia dan pengoperasian pasar raya dan *hypermarket* yang menjual barangan basah adalah dibenarkan sepenuhnya. Justeru, tiada isu pemasaran hasil buah-buahan dari ladang ke pasaran. Namun, terdapat gangguan pemasaran dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana (33%) terutama bagi mereka yang tidak mempunyai kontrak jaminan bekalan sama ada ke FAMA atau pasar raya. Gangguan logistik dan pengedaran seperti lori pemborong dan peraih yang perlu memperoleh permit laluan semasa sekatan jalan telah mengambil masa beberapa hari.

Arahan semasa PKP fasa 1 – 4 adalah lebih tertumpu kepada pengoperasian sektor perniagaan penting termasuk kedai runcit dan kedai makanan. Perniagaan seperti input pertanian tidak dibenarkan beroperasi. Secara tidak langsung, ia telah memberi impak kecil kepada beberapa petani untuk mendapatkan bekalan

**Jadual 14.6:** Isu dan cabaran pemasaran buah-buahan semasa pandemik COVID-19

Peringkat Rantaian Bekalan/n	Responden	Petikan	Deskripsi	Kategori Kod
Petani (n = 15)	R3	“Semasa awal PKP, lori tak jalan. Banyak sekatan jalan raya. Buah nangka dah masak di ladang tak dapat jual, rosak dan buang”.	Halangan dan sekatan logistik	Masalah pengedaran
	R6	“Barang dah angkat masuk lori, tapi permit keluar daerah belum dapat, ambil masa 2 hari. Biasa boleh hantar terus dari ladang kepada pemborong”.		
	R11	“Saya bergantung sepenuhnya pada pengedar A, masa awal PKP, pengedar tak datang. Saya perlu ada backup 2 – 3 pengedar lain kalau jadi lagi macam ni, tak boleh rugi lagi ”.	Kebergantungan kepada pengedar tunggal	
	R10	“...ada gangguan sikit, sepatutnya minggu awal tu nak membaja. Tapi, kedai pertanian tak buka, kita tangguh jadual pembajaan”.	Gangguan input pertanian	Pekerja dan input pertanian
	R7	“Saya memang gunakan pekerja asing di ladang. Tapi bila COVID ni terpaksa hentikan sementara. Jadi kurang tenaga kerja”.	Kebergantungan pekerja asing	
Pemborong, pengimport, pengedar (n = 10)	R4	“COVID ni buat bisnes kurang, banyak pasar malam tak buka, orang tak datang. Pembeli kurang beli secara borong”.	Penurunan permintaan domestik	Kurang permintaan

(samb)

**Jadual 14.6:** Samb.

Peringkat Rantaian Bekalan/n	Responden	Petikan	Deskripsi	Kategori Kod
	R6	“Dulu saya boleh jual 10 bakul sehari, tapi PKP awal haritu dapat jual 2 bakul sahaja. Walaupun dah lama PKP, orang masih kurang datang”.		
	R8	“Pasar tak boleh buka lama, masa awal PKP, arahan 8 pagi – 12 tengah hari. Kita ikut saja arahan. Sekarang dah boleh buka oklah”.	Pengoperasian perniagaan terhadap	Tempoh masa perniagaan terhadap
	R6	“Arahan untuk terhadkan operasi, memang susah sikit nak meniaga. Penjual dan pengguna pun kurang datang sebab kena ikut SOP dan masa”.		
Pengeksport (n = 6)	R5	“Kita dapat order nanas untuk export dari Jepun last bulan 3, lepas tu tak dapat, sebab persaingan harga dari Filipina. Harga jual terlalu murah, pengimport tak nak ambil dari kita”.	Penurunan permintaan import	Kurang permintaan
	R3	“...permintaan untuk eksport ke Singapura tak ada beza dan meningkat, walaupun <i>border</i> tak buka untuk individu, tapi lori boleh hantar”.	Halangan dan sekatan logistik	

(samb.)

Jadual 14.6: Samb.

Peringkat Rantaian Bekalan/n	Responden	Petikan	Deskripsi	Kategori Kod
Peruncit (n = 14)	R2	"Masa peringkat awal, buah nak eksport sangkut 2 minggu sebab di negara China ramai pekerja cuti. Tapi tak jejas bisnes, eksport seperti biasa, cuma lambat <i>delivery</i> ".		Masalah pengedaran
	R3	"Tak berapa ramai orang datang, mungkin sebab kena patuh SOP, pembeli nak mudah dapatkan barang".	Penurunan permintaan domestik	Kurang permintaan
	R11	"Saya rasa pengguna buat masa ni, lebihkan pada barang makanan utama macam sayur, beras, ikan berbanding buah".		
	R7	"Orang kurang jalan dan singgah R&R. Bas dan lori pun kurang. Biasa pengguna beli buah potong".		
	R5	"Masa berniaga terhad, kena ikut syarat dan SOP. Kita tunggu <i>customer</i> datang tapi kurang".	Pengoperasian perniagaan terhad	Tempoh masa perniagaan terhad
	R13	"Harga buah memang ada turun naik. Tapi masa awal PKP harga tembikai murah sangat sampai lelong sebab banyak tak boleh jual".	Lambakan bekalan	Persaingan harga

input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya. Kesukaran mendapatkan input menyebabkan jadual pembajaan terpaksa ditangguhkan. Selain itu juga, keperluan pekerja di ladang juga telah menjadi isu pengeluaran bagi sesetengah petani terutama yang mengguna pekerja asing. Pihak berwajib telah mengenal pasti, penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga asing adalah lebih tinggi. Justeru, polisi penghantaran pulang warga asing telah dilaksanakan terutama bagi yang tidak mempunyai atau melebihi tempoh permit kerja di Malaysia.

#### **14.4.4.2. Pemborong, pengimport dan pengedar**

Peringkat pemborong menjadi tempat pertemuan antara hasil dari ladang dan permintaan daripada peruncit. Pemborong juga merupakan pengimport buah-buahan di Malaysia dan biasanya akan menjual hasil buah-buahan tempatan dan import terutama bagi buah-buahan beriklim sederhana. Selain itu, terdapat juga sesetengah pemborong ini bertindak sebagai pengedar kepada pemborong kecil dan peruncit. Semasa di peringkat awal PKP, isu permintaan domestik yang berkurang dan pengoperasian yang terhad dihadapi oleh kesemua responden ( $n = 10$ , 100%). Kebanyakan pemborong akan membeli buah-buahan daripada petani dalam kuantiti yang sama tetapi dengan arahan SOP pengoperasian perniagaan yang terhad termasuk pasar malam, pasar tani, pasar sari dan kedai runcit, ramai pemborong mengalami kerugian akibat buah yang rosak. Pemborong yang mempunyai bilik sejuk beku dapat mengurangkan kadar kerosakan buah selama beberapa hari sebelum dijual dengan harga lebih murah. Keadaan telah mula kembali pulih secara beransur-ansur selepas kelonggaran SOP pada PKP fasa 5 – 6. Namun, permintaan buah-buahan didapati berkurang berbanding sebelum krisis pandemik.

#### **14.4.4.3. Pengeksport**

Pandemik COVID-19 merupakan krisis yang dihadapi seluruh dunia dan tiada negara yang terkecuali. Bagi aktiviti perdagangan, pandemik ini telah memberi kesan kepada import dan eksport buah-buahan negara. Bagi eksport ke Singapura, dapatan menunjukkan peningkatan eksport secara keseluruhan. Namun, bagi sesetengah negara seperti Jepun, pengeksport menghadapi masalah pengurangan permintaan akibat persaingan harga dari negara lain. Sebagai contoh, tempahan eksport nanas Malaysia dibatalkan akibat persaingan harga nanas MD2 Filipina yang jauh lagi murah daripada harga pasaran eksport. Walau bagaimanapun, bagi eksport buah durian ke China, tiada gangguan permintaan bagi Musang King dari Malaysia tetapi terdapat gangguan logistik, terutama sebagai contoh, pengurangan pekerja di Pelabuhan China yang telah menyebabkan kelewatan dalam aktiviti eksport.

#### 14.4.4.4. Peruncit

Sektor peruncitan mengalami isu permintaan yang berkurang kesan daripada tempoh masa operasi yang terhad. Pematuhan kepada SOP yang ketat menyebabkan segelintir pengguna membuat keutamaan pembelian bagi barangan makanan asas seperti sayur, ikan dan beras berbanding buah-buahan. Permintaan buah-buahan berkurang hampir 80% bagi peruncit kecil seperti gerai jualan buah-buahan di R&R pengguna jalan raya. Selain itu, lambakan buah tembikai di pasaran kerana persaingan harga yang ketara di peringkat runcit, terutama dalam tempoh Mei – Jun. Kebiasaannya pada bulan Mei – Jun ini adalah bulan Ramadan dan permintaan tembikai tinggi di lokasi Bazar Ramadan. Namun, tiada bazar dibenarkan semasa tempoh PKP menyebabkan berlakunya lambakan buah dan kejatuhan harga runcit di pasaran. Purata harga ladang telah menurun dari RM1.30/kg kepada RM0.80/kg.

#### 14.4.5. Perancangan dan tindakan operasi perniagaan pemain industri semasa PKP fasa 1 – 6

Semasa PKP fasa kritikal, kebanyakan aktiviti perniagaan tidak dibenarkan kecuali beberapa sektor penting yang melibatkan kepentingan rakyat. Operasi perniagaan tidak dapat diusahakan seperti kebiasaan dan ini mendorong kepada perniagaan secara digital (*online*). Perniagaan secara digital bukanlah perkara mudah bagi sesetengah pemain industri yang telah menjalankan perniagaan secara konvensional berpuluh-puluh tahun sebelumnya. Justeru, bagi mengetahui perbezaan operasi perniagaan di sepanjang rantaian bekalan, *Jadual 14.7* menunjukkan tindakan pemain industri bagi menghadapi perniagaan sepanjang tempoh PKP sepanjang tempoh fasa 1 – 6 dilaksanakan.

**Jadual 14.7:** Pelaksanaan operasi pemain industri semasa PKP fasa kritikal (1 – 4) dan pemulihan (5 – 6) COVID-19 di Malaysia

Peringkat Pemasaran	Kaedah Pengurusan Operasi Semasa	FASA PKP COVID-19 (%)		Impak
		PKP FASA 1 – 4 (Mac – Mei)	PKP FASA 5 – 6 (Jun – Dis)	
Petani (n = 15)	Menjalankan operasi secara normal	70%	80%	Petani menjalankan aktiviti penanaman dan pengedaran seperti biasa. Tiada gangguan operasi semasa fasa kritikal.
	Menjalankan operasi secara minimum	10%	0 %	Petani mengurangkan aktiviti penanaman. Banyak menunda perancangan penanaman.
	Menjalankan operasi secara e-dagang	20%	20%	Terlibat dengan penjualan secara dalam talian, membuat jualan secara kumpulan WhatsApp bagi pasaran setempat.
Pemborong/ Pengimport (n = 10)	Menjalankan operasi secara normal	60%	40%	Aktiviti jualan seperti biasa, namun tertakluk kepada arahan pengoperasian yang terhad. Memberi kesan kepada jualan dan pendapatan kerana kurang permintaan domestik.
	Menjalankan operasi secara minimum	40%	60%	Membuat aktiviti jualan sederhana. Tidak membuka premis kerana arahan pengoperasian. Aktiviti seperti biasa selepas fasa kritikal.
	Menjalankan operasi secara e-dagang	0%	0%	Tidak menjalankan perniagaan secara dalam talian.

(samb.)



Jadual 14.7: Samb.

Peringkat Pemasaran	Kaedah Pengurusan Operasi Semasa	FASA PKP COVID-19 (%)		Impak
		PKP FASA 1 – 4 (Mac – Mei)	PKP FASA 5 – 6 (Jun – Dis)	
Pengeksport (n = 6)	Menjalankan operasi secara normal	50%	50%	Operasi perniagaan seperti biasa. Permintaan import buah-buahan dari negara pengimport diteruskan terutama bagi pasaran Singapura.
	Menjalankan operasi secara minimum	40%	40%	Operasi perniagaan perlahan. Pengeksport tidak aktif membuat pemasaran. Permintaan dari negara pengimport kurang.
	Menjalankan operasi secara e-dagang	10%	10%	Operasi dijalankan dengan menggunakan carian dalam talian, Alibaba. Tetapi permintaan adalah kecil.
Peruncit (n = 14)	Menjalankan operasi secara normal	30%	60%	Aktiviti jualan seperti biasa, namun tertakluk kepada arahan pengoperasian yang terhad. Memberi kesan kepada jualan dan pendapatan kerana kurang permintaan domestik.
	Menjalankan operasi secara minimum	50%	10%	Membuat aktiviti jualan sederhana. Tidak membuka premis kerana arahan pengoperasian. Aktiviti seperti biasa selepas fasa kritikal.
	Menjalankan operasi secara e-dagang	20%	30%	Terlibat dengan penjualan secara dalam talian, membuat jualan secara kumpulan WhatsApp dan COD bagi pasaran setempat.

#### 14.4.5.1. Petani

Secara keseluruhannya, 70% aktiviti penanaman buah-buahan berjalan seperti biasa, petani menjalankan aktiviti mengikut jadual penanaman yang telah dirancang dan pelaksanaan PKP tidak menjejaskan kepada majoriti petani. Pengedaran dan pemasaran diteruskan seperti biasa terutama bagi petani ladang kontrak dan skala komersial. Hanya sebilangan kecil petani (10%) menjalankan operasi secara minimum. Bagi kes sebegini, petani memperlahankan aktiviti kerana menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan input dan pekerja. Seramai 20% petani telah mencuba membuat pemasaran secara dalam talian terutama menggunakan aplikasi WhatsApp bagi hasil buah-buahan semasa tempoh PKP kritikal. Kebanyakannya diterajui dalam kalangan petani muda. Sambutan pengguna adalah menggalakkan. Kaedah ini diteruskan ke fasa pemulihan.

#### 14.4.5.2. Pemborong/pengimport

PKP fasa kritikal telah mengganggu operasi premis perniagaan kerana tertakluk ke tempoh masa perniagaan yang terhad. Walaupun ramai pemborong (60%) beroperasi seperti biasa namun urusan jual beli tidak seperti kebiasaan. Permintaan tempatan menurun akibat penutupan beberapa sektor perniagaan yang lain dan sebanyak 40% perniagaan beroperasi secara minimum. Tiada tindakan daripada pemborong untuk menjalankan aktiviti secara dalam talian kerana percaya perubahan akan kembali normal secara berperingkat. Impak gangguan terutama permintaan adalah dalam tempoh jangka masa pendek.

#### 14.4.5.3. Pengeksport

Permintaan buah eksport adalah stabil mengikut pasaran tertentu. Bagi pasaran eksport ke Singapura, pengeksport buah-buahan tidak menghadapi masalah permintaan. Operasi perniagaan dijalankan seperti biasa (50%). Namun permintaan dari negara Jepun dan Eropah telah berkurang. Ini berlaku akibat beberapa isu antaranya persaingan harga dari negara lain dan faktor logistik terutama pengangkutan udara yang terhad. Semasa tempoh pandemik, banyak pintu masuk negara ditutup dan ini menjejaskan jadual penerbangan, kesannya 40% pengeksport beroperasi secara minimum, 10% meneruskan aktiviti secara *online* dengan menggunakan platform Alibaba, dan selebihnya masih beroperasi seperti biasa kerana permintaan buah-buahan tidak terjejas.

#### 14.4.5.4. Peruncit

Operasi perniagaan di peringkat runcit adalah lebih kurang sama seperti di peringkat pemborong yang mana tertakluk kepada SOP pengoperasian yang terhad. Ini menyebabkan operasi perniagaan terbatas, iaitu 50% daripadanya menjalankan aktiviti secara minimum dan 20% peruncit mula menjalankan perniagaan secara dalam talian dengan menjadi *personal shopper*, mengambil tempahan daripada pelanggan di rumah bagi buah-buahan bersama barangan keperluan rumah yang lain. Pemulihan perniagaan dijangka berlaku secara berperingkat semasa tempoh fasa pemulihan.

#### 14.5. RUMUSAN

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberi impak secara keseluruhannya bagi kesemua sektor ekonomi termasuk di subsektor buah-buahan. Pihak kerajaan telah mewartakan pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan wabak ini secara berperingkat dengan melaksanakan enam Fasa PKP telah dilaksanakan (PKP 1 – 4; fasa kritikal dan PKP 5 – 6; fasa pemulihan). Perniagaan secara norma baharu seperti dalam talian mula digalakkan.

Dapatan kajian menunjukkan subsektor buah-buahan dan sektor makanan menunjukkan impak yang kecil dalam rantai bekalan dan pemasaran. Sektor ini terus beroperasi bagi memenuhi keperluan bekalan makanan kepada pengguna. Kajian dijalankan secara *mixed method* melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis *Mann-Kendal* mendapati import buah-buahan Malaysia semasa pandemik menunjukkan penurunan berbanding sebelum pandemik bermula. Ini menunjukkan permintaan domestik yang semakin berkurang. Dapatan kajian selari dengan hasil kajian lapangan menerusi temu bual bersama pihak pemborong yang menyatakan permintaan pasaran berkurang kerana penutupan beberapa sektor peruncitan seperti pasar malam, pasar tani, pasar awam dan pengoperasian kedai runcit yang terhad. Pengguna juga dilihat mengutamakan pembelian bagi barangan keperluan makanan asas seperti beras, sayur-sayuran, ikan dan daging berbanding buah-buahan.

Analisis trend juga mendapati trend eksport sebelum dan semasa pandemik meningkat tetapi tidak signifikan. Jumlah eksport buah-buahan ke Singapura menunjukkan peningkatan dua kali ganda dari 10.31 t/bulan ke 23.2 t/bulan semasa pandemik berlaku. Malaysia menjadi negara sumber utama bekalan pertanian ke Singapura, justeru perdagangan eksport telah memberi impak positif kepada industri eksport buah Malaysia semasa krisis. Bagi pasaran eksport yang lain, permintaan telah berkurang akibat daripada persaingan harga dari negara pengeluar lain. Namun, kesan ini dijangka sementara dan akan pulih secara berperingkat.

Semasa perlaksanaan PKP, pengguna sangat sensitif dengan peningkatan harga barangan. Secara keseluruhannya, analisis CAGR menunjukkan terdapat penurunan dan peningkatan harga di pasaran tempatan (ladang, pemborong atau runcit) bagi kesemua jenis buah. Tetapi tidak bagi Durian MK yang meningkat 3 – 5% daripada peringkat ladang hingga runcit semasa krisis COVID-19.

Tiada impak ketara pada sistem pengedaran buah-buahan terutama dari ladang kerana terikat dengan skim ladang kontrak. Melalui perjanjian ladang kontrak, pembeli melalui FAMA atau pasar raya dibenarkan beroperasi dan mengambil hasil pertanian ladang. Kesan gangguan kepada petani kecil dan sederhana tetapi tidak terjejas secara keseluruhan kerana buah-buahan yang dituai masih mampu bertahan 1 – 2 hari di ladang. Aktiviti pemasaran secara *online* juga mendapat sambutan dalam kalangan pengguna semasa PKP fasa kritikal dan dijangka bersifat sementara. Pembelian secara konvensional di kedai oleh pengguna kembali semasa PKP fasa pemulihan dilaksanakan.

Kesemua isu dan cabaran yang dihadapi oleh pemain industri seperti gangguan pengedaran, pekerja dan input pertanian, pengurangan permintaan, operasi perniagaan yang terhad dan persaingan harga memberi impak ketara kepada pengurangan pendapatan. Majoriti responden bersetuju bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan operasi perniagaan berbeza seperti sebelum pandemik bermula. Walaupun begitu, pemain industri optimis menjalankan perniagaan seperti biasa kerana menjangkakan keadaan akan pulih seperti sedia kala secara perlahan-lahan.

Pihak kerajaan terus komited membantu sektor pertanian menghadapi impak COVID-19. Bantuan dan peruntukan pasca COVID-19 terus dirancang bagi membantu pemain industri untuk terus menjalankan operasi penanaman dan perniagaan di bawah skim PENJANA. Sebagai contoh, peruntukan berjumlah RM350 juta telah disediakan menerusi Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank. Dapatan kajian dijangka dapat menyediakan maklumat terutamanya dalam formulasi dasar bagi membantu golongan sasaran dan seterusnya menjamin bekalan makanan negara.

#### 14.6. RUJUKAN

- Astroawani (2020). COVID-19: Harga Musang King tidak menurun. Diakses pada 27 Januari 2021 dari <https://www.astroawani.com/video-malaysia/COVID-19-harga-musang-king-tidak-menurun-1834951>
- FAMA (2020). Harga pasaran terkini di peringkat ladang, borong dan runcit, Januari 2020 – Oktober 2021.
- Huang, Y., Lin, C., Wang, P., dan Xu, Z. (2020). Saving China from the coronavirus and economic meltdown: Experiences and lessons. Diakses pada 29 Januari 2021 dari <https://voxeu.org/article/saving-china-coronavirus-and-economic-meltdown-experiences-and-lessons>
- Norsida, M., Nolila, M.N. dan Mohd Mansor, I. (2009). An overview of the supply chain management of Malaysian vegetable and fruit industries focusing on the channel of distribution. *Journal of Agribusiness Marketing*. 2, 1 – 18
- Su, J., Wu, J. dan Liu, C. (2014). Research on coordination of fresh produce supply chain in big market sales environment. *The Scientific World Journal*. 1 – 12. <http://dx.doi.org/10.1155/2014/873980>
- Trade Map. (2020). Diakses pada 12 November 2020 dari <https://www.trademap.org/Index.aspx>
- Yong, C. (2020). Coronavirus: Most food imports from Malaysia not disrupted, Govt working with KL to ensure supplies, says Chan Chun Sing. Diakses pada 29 Januari 2021 dari <https://www.straitstimes.com/singapore/most-food-imports-from-malaysia-not-disrupted-govt-working-with-malaysia-to-ensure>